Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
Bil 45: 9 November 2026

Perkukuh GEA jadi platform antarabangsa iktiraf kecemerlangan - Zambry



Tanjong Malim, 4 November - Global Educator Award (GEA) bukan sekadar menjadi majlis pengiktirafan terhadap pencapaian individu, sebaliknya perlu diperkukuh sebagai platform antarabangsa yang mengiktiraf kecemerlangan pendidikan, mempromosi inovasi dan memperkukuh kerjasama pendidikan rentas sempadan. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, pendidik merupakan barisan hadapan dalam membentuk ilmu, nilai dan kemanusiaan, selain memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. “Pendidikan tidak seharusnya tertumpu kepada pencapaian akademik atau kedudukan sesebuah institusi dalam penarafan antarabangsa, sebaliknya perlu dinilai berdasarkan impak sebenar pendidik terhadap kehidupan masyarakat. “Justeru GEA yang memasuki tahun kedua penganjurannya, diharap dapat berkembang sebagai platform global yang dihormati dengan memastikan pengiktirafan diberikan berdasarkan integriti, kredibiliti dan impak sebenar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Global Educator Award (GEA) 2026 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di Tanjong Malim. Berangkat ke program itu, Canselor UPSI, Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, penganjuran GEA 2026 mencerminkan aspirasi universiti untuk memperluas pengaruh dan kepimpinan dalam bidang pendidikan di peringkat antarabangsa. Beliau berkata, penganjuran edisi kali ini, menerima 472 pencalonan dari 83 negara, sebelum 26 finalis dari 11 negara dipilih menerusi proses penilaian yang teliti. “Melalui GEA, kita bukan sahaja mahu mengiktiraf pendidik cemerlang yang telah membawa perubahan kepada individu, komuniti dan negara, tetapi turut membina jaringan pendidik global untuk berkongsi idea, mencetuskan inovasi serta memajukan kecemerlangan pendidikan merentas sempadan,” katanya. Pada majlis itu, tujuh individu dan sebuah institusi menerima pengiktirafan menerusi lapan kategori anugerah.

Penerima Avant-Garde Teacher Award ialah Prof Madya Dr Jayanthi Arasan (Malaysia), manakala Eminent Education Researcher Award disandang Dr Mahdi Kolahi (Iran) dan Community Outreach Award diterima Peter Mokaya Tabichi (Kenya). Sementara itu Esteemed Teacher Educator Award diberikan kepada Prof Madya Dr Evania Yafie (Indonesia), manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerima Transforming Educational Institution Award. The HONOR EdTech Innovation Excellence Award pula dianugerahkan kepada Siti Ainulmursyida Shamsudin (Malaysia), manakala Inspiring Educational Leader Award dimenangi Kashmira Jaiswal (India) dan The Legacy Educator Award diterima oleh Chan Hung (Hong Kong).

Penerima kategori Avant-Garde Teacher Award, Eminent Education Researcher Award, Community Outreach Award, Esteemed Teacher Educator Award, Transforming Educational Institution Award dan Inspiring Educational Leader Award masing-masing menerima trofi serta geran penyelidikan bernilai RM20,317,



Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University
Bil 45: 9 November 2026



Lapan pendidik terima anugerah GEA 2026

Tanjong Malim, 4 November - Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan menyampaikan hadiah kepada lapan pemenang Anugerah Pendidik Global (Global Educator Award – GEA) 2026 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini malam ini.

Kelapan-lapan pemenang tersebut ialah Prof. Madya Dr. Jayanthi Arasan (Malaysia), Dr. Mahdi Kolahi (Iran), Peter Mokaya Tabichi (Kenya), Prof. Madya Dr. Evania Yafie (Indonesia) dan Dr. Roslinda Alias (Malaysia).

Tiga lagi penerima ialah Siti Ainulmursyida Shamsudin (Malaysia), Kashmira Jaiswal (India) dan Chan Hung dari Hong Kong.

Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, suara pendidik perlu didengar kerana mereka lebih memahami cabaran yang dihadapi di dalam bilik darjah dan universiti.

"Pengalaman dan idea mereka penting dalam membentuk dasar pendidikan yang lebih baik.

"Kecemerlangan dalam pendidikan tidak sepatutnya diukur melalui pencapaian akademik atau penarafan institusi semata-mata," katanya di sini.

Mengulas lanjut, Zambry berkata, seorang pendidik yang hebat ialah mampu memberikan impak terhadap kehidupan manusia.

"Kemajuan pesat dalam bidang pengetahuan dan teknologi, tidak menghalang dunia daripada terus berdepan dengan konflik, ketegangan dan perpecahan.

"Ini mengingatkan bahawa ilmu pengetahuan sahaja tidak mencukupi. Kita juga memerlukan kebijaksanaan, pemahaman, dan nilai kemanusiaan," katanya.

UPSI terima sumbangan Proton e.MAS 7, perkukuh pembelajaran teknologi EV

Tanjong Malim, 1 November - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima sumbangan sebuah kenderaan elektrik (EV) Proton e.MAS 7 daripada PROTON bagi memperkukuh pembelajaran berasaskan industri, khususnya dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta teknologi automotif. Penyerahan kenderaan itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Ir. Abdul Rashid Musa kepada Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, pada majlis yang berlangsung bersempena Majlis Penutup Program Keusahawanan University to Community (UTC) 3.0 dan disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir.

Md Amin berkata sumbangan berkenaan mencerminkan komitmen pihak industri dalam memperkasa pendidikan TVET, khususnya melalui pendedahan secara langsung kepada perkembangan teknologi kenderaan elektrik yang semakin berkembang dalam industri automotif.

"Alhamdulillah, kenderaan ini bakal menjadi medan pembelajaran sebenar buat mahasiswa UPSI, menghubungkan ilmu teori dengan aplikasi industri serta melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang bersedia menghadapi tuntutan teknologi masa hadapan.

"Lebih daripada sekadar sebuah kenderaan, inisiatif ini merupakan pelaburan dalam ilmu dan masa depan, seiring dengan pembangunan Automotive High-Tech Valley (AHTV) di Tanjong Malim," katanya pada majlis berkenaan di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI.





Kejayaan SULAM diukur menerusi impak sebenar kepada komuniti

Tanjong Malim, 3 November - Kejayaan pelaksanaan program *Service Learning Malaysia – University for Society* (SULAM) di institusi pengajian tinggi perlu dinilai berdasarkan impak sebenar yang diwujudkan kepada komuniti, bukan sekadar jumlah aktiviti atau penyertaan mahasiswa.

Pengarah Pusat Pembangunan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr. Normah Jusoh berkata, aspek kualiti pelaksanaan, pengukuran impak, kelestarian projek serta kerjasama strategik dengan industri dan komuniti perlu diberikan perhatian dalam memperkukuh pelaksanaan SULAM pada masa hadapan.

Beliau berkata pendekatan SULAM menghubungkan pembelajaran akademik dengan pengalaman sebenar bersama masyarakat, sekali gus memberi peluang kepada mahasiswa mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam menangani cabaran dan memenuhi keperluan komuniti.

"Melalui SULAM, mahasiswa berpeluang mengaplikasikan ilmu, memahami cabaran masyarakat serta bersama-sama mencari penyelesaian yang memberikan manfaat.

"Inilah kekuatan SULAM. Ilmu yang dipelajari bukan sahaja dinilai melalui pencapaian akademik, tetapi turut diterjemahkan kepada tindakan yang membawa perubahan positif dalam kehidupan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah dan Apresiasi SULAM UPSI 2026 di Dewan SITC Kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada Selasa. Normah berkata pelaksanaan SULAM amat bertepatan dengan aspirasi UPSI sebagai universiti pendidikan yang komited melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosial yang tinggi.

Menurutnya, pengalaman mahasiswa berinteraksi dan melaksanakan aktiviti bersama komuniti turut berperanan membentuk nilai empati, kepimpinan, kerjasama serta kesukarelawanan yang penting dalam melahirkan graduan berkualiti.

Beliau berkata kejayaan setiap projek SULAM turut didukung oleh komitmen pensyarah dalam merancang dan membimbing pembelajaran, kesungguhan mahasiswa dalam melaksanakan aktiviti serta kerjasama komuniti sebagai rakan strategik.

Sehubungan itu, beliau berharap pengiktirafan menerusi majlis apresiasi berkenaan dapat menjadi pemangkin kepada penghasilan lebih banyak projek SULAM yang kreatif, inovatif dan memberikan manfaat berpanjangan kepada masyarakat.

"Penghargaan pada hari ini bukan hanya untuk meraikan para penerima anugerah, tetapi juga sebagai pengiktirafan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan SULAM@UPSI," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Unit Pembangunan Bakat Akademik, Pusat Pembangunan Akademik UPSI, Dr. Hamidah Idris berkata, penganjuran Karnival SULAM UPSI 2026 yang merupakan kesinambungan program tahunan sejak 2024 menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan jaringan kerjasama antara pelaksana projek SULAM di UPSI dengan institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Beliau berkata sebanyak 72 penyertaan diterima bagi *Innovation Showcase SULAM@UPSI 2026*, manakala sesi pembentangan akhir melibatkan 32 pasukan daripada sembilan institusi pengajian tinggi dengan penyertaan keseluruhan 132 finalis.

Shah Alam



Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Pendidik | Konvensyen Integriti Nasional 2026

Tanjong Malim




Bertemu Devokalis UPSI Choir Berjaya Merangkul Tempat Pertama di Busan Choral Festival & Competition di Busan, Korea

Kuala Lumpur



Sidang Media Penganjuran Tanjong Malim YDP Cup Mountain Bike International Challenge di UPSI

Tanjong Malim



Majlis Anugerah Tokoh Siswa FSM Iktiraf Kecemerlangan Mahasiswa